

MITEC tuan rumah bagi lapan acara Sukan SEA 2017

PUSAT Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang baru dibina akan menjadi tuan rumah kepada lapan acara Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 pada Ogos depan.

Ketua Pegawai Operasi Sekretariat Kuala Lumpur 2017, Shaiful Subhan berkata, lapan acara berkenaan ialah gimnastik artistik dan gimrama, lawan pedang, ping pong, bola tampar, angkat berat, hoki dalam dewan, muay thai dan tinju.

Selain itu, MITEC juga akan menjadi venue untuk tujuh acara Sukan Para ASEAN 2017 iaitu boccia, catur, goalball, ping pong, angkat berat, bola tampar duduk dan bola keranjang berkerusi roda.

“Berdasarkan apa yang kami lihat hari ini (semalam), kami gembira dengan tahap kemajuan kerja-kerja pembinaan dan kami positif semua kerja tersebut akan siap menjelang Jun tahun ini,” kata Shaiful selepas melawat tapak projek tersebut di Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

Shaiful berkata, acara ujian dijangka diadakan pada pertengahan tahun ini di pusat tersebut.

“Pembinaan MITEC kini hampir siap sepenuhnya dan hanya tinggal kerja-kerja mencantikkan venue untuk penganjuran acara Sukan SEA nanti,” katanya.

MITEC yang merupakan hab sukan kedua terbesar untuk temasya

kali ini adalah komponen pertama projek pembangunan KL Metropolis bernilai RM20 bilion yang dijalankan oleh Naza TTDI Sdn. Bhd.

Pusat pameran yang mampu menampung 40,000 pelawat pada satu-satu masa itu dilengkapi 11 dewan pameran dengan keluasan lantai kasar satu juta kaki persegi.

Venue utama Sukan SEA 2017 ialah Bandar Raya Sukan Kuala Lumpur di Bukit Jalil, diikuti MITEC, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sukan SEA 2017 akan berlangsung pada 19 hingga 31 Ogos nanti, manakala Sukan Para ASEAN bermula pada 17 hingga 23 September. - Bernama



SHAIFUL (empat dari kiri) bergambar bersama Eksekutif Perancangan dan Pembangunan NAZA TTDI, Ahmad Nizam Ahmad Basuki (kiri), wakil daripada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, ASP Mohamad Pouzi Abdul Rauf (tiga dari kiri) serta para pegawai urus setia MASOC selepas melawat venue acara Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN di Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.